

Penggunaan Strategi JAMPI Dan Rutin Berfikir Bagi Meningkatkan Kefahaman Membaca

Noraishah Mostapa

noraishah_mostapa@schools.gov.sg

Sekolah Menengah Meridian

Abstrak

Kajian Pengajaran ini dijalankan dengan tujuan mempertingkatkan kemahiran membaca dan menjawab soalan kefahaman aras tinggi dalam kalangan pelajar. Pengkaji mahu meneliti sebab para pelajar gagal menjawab soalan kefahaman dengan tepat. Para pelajar sering menghadapi masalah menjawab soalan kefahaman yang memerlukan mereka memahami teks yang diberikan dan selanjutnya menjawab soalan yang mengikutinya. Melalui rutin berfikir pendekatan Menjadikan Pemikiran Jelas, strategi JAMPI dan program membaca yang berstruktur para pelajar dapat meningkatkan keupayaan mereka memahami apa yang dibaca serta menjawab soalan-soalan kefahaman dengan tepat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dengan mendedahkan Strategi JAMPI dan rutin berfikir, prestasi pelajar lebih baik dan mereka menjadi lebih peka semasa menjawab soalan-soalan kefahaman serta mampu membaca teks kefahaman dengan lebih efektif.

Kata Kunci: rutin berfikir, membaca, kefahaman, memahami teks, Taksonomi Bloom

PENGENALAN

Membaca dan memahami kandungan teks yang dibaca adalah kemahiran yang perlu digarap oleh para pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu bagi menyediakan mereka menjawab soalan-soalan peperiksaan kertas Bahasa Melayu dengan baik. Kurangnya pengetahuan dan keupayaan untuk menguasai kemahiran itu boleh menjejaskan prestasi pelajar dalam pembelajaran dan peperiksaan terutama dalam menjawab soalan ujian Kertas 2, iaitu Kefahaman yang mempunyai peratusan tinggi dalam komponen Kertas 2 Bahasa Melayu.

Membaca dan memahami apa kandungan teks ialah satu proses selari dan memerlukan penguasaan daya kognitif yang tinggi bagi membina makna pada perenggan-perenggan yang terdapat dalam teks. Jika pelajar gagal memahami apa yang dibaca, maka pelajar gagal memahami apa yang cuba disampaikan oleh penulis atau pengarang buku atau apa yang tertera dalam sesuatu petikan atau rangsangan grafik yang diberikan. Lebih buruk lagi jika pelajar tidak faham tuntutan soalan kerana salah tafsiran apa yang dibaca. Ini menyebabkan pelajar kehilangan markah. Kertas kajian ini, memberi fokus pada dua kemahiran iaitu kemahiran membaca dan menjawab soalan kefahaman

PERNYATAAN MASALAH

Salah satu objektif ujian dalam Bahasa Melayu di sekolah ialah pelajar boleh menjawab, memilih dan memberikan jawapan yang paling tepat komponen-komponen yang diuji dalam kertas Bahasa Melayu. Namun, terdapat pelajar yang gagal menjawab soalan-soalan tersebut dengan tepat kerana kosa kata pelajar yang terhad akibat kurang membaca dan penguasaan bahasa yang lemah ataupun disebabkan daya pemahamannya teks yang terbatas. Di samping itu, terdapat juga pelajar yang gagal memberi jawapan yang paling sesuai bagi menjawab soalan kefahaman yang diberikan. Tambahan pula, pelajar juga didapati berfikir di luar apa yang diminta dalam memberikan jawapan walaupun jawapan yang diperlukan boleh diperolehi dalam rangsangan grafik atau petikan kefahaman yang diberikan.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. mempertingkatkan kemahiran membaca pelajar dan mengenal pasti tahap kesukaran soalan kefahaman serta jenis-jenis soalan kefahaman;



2. membantu pelajar menjawab soalan kefahaman dengan tepat berdasarkan rangsangan grafik atau petikan yang diberikan; dan
3. memantapkan lagi hasil jawapan pelajar dengan menyerlahkan mutu bacaan serta mutu pemahaman pelajar.

KAJIAN LEPAS

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), membaca bererti memerhatikan isi sesuatu yang tertulis atau tercetak dengan teliti dan memahami makna kandungannya. Menurut Leslie (2001), membaca ialah satu proses kognitif yang menekankan aspek pengecaman, membuat interpretasi dan persepsi terhadap bahan bercetak atau bertulis. Manakala menurut Goodman (1971) pula, membaca ialah proses psikolinguistik yang bermula daripada pembaca mengamati perkataan yang terdapat di dalam teks yang dibaca sehinggalah terbentuknya makna berdasarkan pengamatan yang dilakukan. Seterusnya membaca merupakan proses berkomunikasi secara langsung antara pembaca dengan bahan bacaan, dan secara tidak langsung dengan penulisnya (Safiah Osman, 1990).

Menurut ahli psikolinguistik kognitif pula, membaca ialah proses psikolinguistik yang berlaku apabila seorang pembaca membentuk semula dalam pemikirannya makna yang ingin disampaikan oleh seorang penulis melalui lambang-lambang bertulis yang dibaca (Kamarudin Hj. Husin dan Siti Hajar Hj. Abdul Aziz, 998), (Smith, 1971). Rushdiy Ahmad Tu'aymah (2006) pula menyatakan, membaca merupakan interaksi pembaca dengan bahan bacaan menerusi deria penglihatan dan pembaca akan mentafsir dan merungkai simbol-simbol bacaan kepada mesej tertentu serta cuba memahami makna yang hendak disampaikan berdasarkan maklumat pembaca yang sedia ada. Kesimpulannya, melalui pelbagai huraian yang telah dilakukan, ternyata membaca bukanlah hanya merupakan proses mekanikal yang melibatkan tulisan huruf semata-mata. Ia merupakan proses yang saling bertimbal balik antara tulisan huruf dan seterusnya proses menterjemahkan penulisan serta proses permaknaan perkataan yang telah diterjemahkan tadi. Oleh itu membaca bukanlah satu proses yang mudah tetapi melibatkan siri proses yang kompleks. Oleh yang demikian, kajian ini ingin mengetengahkan kepentingan meningkatkan keupayaan membaca yang memberi impak positif dalam membantu pelajar membaca dengan berkesan dan selanjutnya menjawab soalan kefahaman menggunakan strategi JAMPI dan rutin berfikir dalam Menjadikan Pemikiran Jelas (*Making Thinking Visible* – MTV). Sasaran utama kajian ini ialah pelajar mampu membaca dengan lebih efektif berlandaskan proses-proses membaca secara sistematik yang dapat meningkatkan pemahaman tentang kandungan bahan mereka baca.



KAEDAH KAJIAN

Bagi mencapai objektif pengajaran, kaedah Pengajaran Secara Eksplisit telah diterapkan dan dijalankan selama tiga minggu yang merangkumi lima pengajaran, iaitu:

1. Peringkat praujian;
2. Pengenalan kepada jenis soalan kefahaman, strategi JAMPI dan rutin berfikir serta soalan-soalan berdasarkan Taksonomi Bloom;
3. Penerangan tuntas mengenai analisis soalan-soalan GCE N dan GCE O (dari tahun 2012 hingga 2017) bagi kelas 4E5N dan soalan-soalan ujian semester SA1/SA2 bagi kelas 2N dan 3N;
4. Latihan pascaujian; dan
5. Penutup dan sesi maklum balas.

Setiap waktu pengajaran mengambil masa selama 1 jam 10 min atau dua waktu. Kajian ini dijalankan secara kuantitatif di mana trend pencapaian pelajar dianalisis melalui aktiviti praujian dan pascaujian dan seterusnya secara kualitatif seperti sesi pencerapan pengajaran di bilik darjah, penggunaan borang maklum balas 3-2-1, dan rakaman video.

Guru juga menerapkan elemen Amalan Pengajaran Singapura dalam PdP BM. Berikut merupakan penerangan proses pengajaran bagi Pelaksanaan Pelajaran dan Penilaian dan Maklum Balas bagi pelajaran kefahaman.



Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	<p>AP 13: Mengaktifkan Pengetahuan Sedia Ada</p> <p>AP 17: Memberikan Penerangan yang Jelas</p> <p>AP 20: Menggunakan Soalan untuk Memperdalam Pembelajaran</p>	<p>AM 2: KWL – Tahu, Mahu Tahu, Telah Pelajari Guru menggunakan borang KWL, borang refleksi dan lampiran praujian untuk mencungkil pengetahuan sedia ada para pelajar.</p> <p>AM 5: Menggunakan Penyusun Grafik Penyusun grafik digunakan untuk membantu pelajar menyusun pendapat dan membentangkan idea. Guru menggunakan peta konseptual dan peta minda JAMPI. Guru juga menggunakan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya dan 'Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu?'</p> <p>AM 4: Menjana Soalan (Generating Questions) Pelajar mengutarakan soalan selepas bahagian-bahagian tertentu pelajaran selesai melalui enam domain kognitif dalam Taksanomi Bloom.</p>
Penilaian dan Maklum Balas	AP24: Menyediakan Tugasan yang Bermakna	AM 3: Latihan untuk menguasai Guru memberi latihan kepada pelajar dan menganalisis prestasi pelajar.

<p>Penerangan dan Justifikasi</p>	<p>AP13 dipilih untuk menggalakkan pelajar merenung apakah perkara-perkara yang perlu diambil kira sebelum dan semasa menjawab lampiran praujian seperti masalah atau kesukaran yang dihadapi semasa menjawab lampiran praujian yang mengandungi soalan-soalan bahagian B dan C. Borang KWL dan Borang Refleksi 3-2-1 digunakan bagi mengenal tahap keupayaan pelajar dan profil pelajar. Ia membolehkan guru memenuhi keperluan pembelajaran pelajar dengan memenuhi minat, menangani keraguan dan menyelami masalah serta kelemahan pelajar.</p> <p>AP17 adalah penting untuk memberi penerangan yang jelas dengan bantuan penyusun grafik kerana ia memberikan struktur kepada pemikiran pelajar agar memupuk pemahaman yang lebih luas dan bermakna. Penyusun grafik membantu pelajar membina peta visual atau rajah untuk menyusun maklumat.</p> <p>AP 20 berfokus pada menjana soalan. Menjana soalan membantu pelajar dan guru untuk mengutarakan soalan-soalan demi merangsang pemikiran pelajar supaya berfikir lebih kritikal dan kreatif dengan menggunakan rutin berfikir serta aras kesukaran berlandaskan Taksonomi Bloom.</p> <p>AP 24 adalah kebijaksanaan guru memberi tugas yang bermakna bagi mengukur pemahaman pelajar dan memberi maklumat ke atas keberkesanan guru mengajar. Rujuk Pakej Kefahaman 2012-2018 bag peringkat 4E dan 5N.</p>
-----------------------------------	---

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada pelajar menengah bawah dan atas iaitu Menengah 2 Normal Akademik (2NA), Menengah 3 Normal Akademik (3NA) dan Menengah 4 Ekspres/5 Normal Akademik (4E5N) yang mempunyai kecerdasan yang rencam. Bagi Peringkat Menengah 2NA seramai 29 orang pelajar dipilih manakala peringkat Menengah 3NA seramai 9 orang pelajar dan 4E5N pula seramai 25 orang pelajar. Pemilihan subjek dilakukan untuk mendedahkan mereka kepada strategi membaca dan kefahaman demi membantu pelajar mendapatkan gred lebih baik dalam peperiksaan akhir tahun dan peperiksaan nasional peringkat GCE O dan GCE N. Tiga aliran dipilih untuk menyokong bahawa pengajaran Strategi JAMPI dan rutin berfikir ini dapat diterapkan bagi setiap aliran dan peringkat.

Instrumen Kajian

Seramai 73 orang pelajar akan dinilai dari segi pencapaian serta respons semasa pengajaran dalam kelas. Selain itu, tugas individu diberikan dalam



dua bentuk lembaran kerja iaitu lampiran praujian dan lampiran pascaujian. Latihan-latihan tambahan juga diberikan bagi membolehkan para pelajar mengaplikasikan apa yang dipelajari sepanjang tiga minggu. Markah-markah pelajar diambil dan dianalisis bagi melihat keberkesanan PdP yang dijalankan.

Borang refleksi juga digunakan bagi guru memantau dan mengenal pasti kekuatan serta kelemahan pelajar. Maklum balas yang dikumpulkan akan digunakan sebagai bahan rujukan untuk mengubah suai rancangan pengajaran bagi mencapai objektif pengajaran yang lebih baik pada masa hadapan.

Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan selama tiga minggu dan mengambil masa sebanyak enam waktu setiap minggu (35 minit bagi setiap waktu dan 3 kali seminggu). Tiga minggu perancangan bagi menjalankan Pakej Kefahaman. Minggu 1 merupakan minggu praujian dan pengenalan tentang jenis-jenis soalan bagi aras kesukaran berdasarkan Taksonomi Bloom. Lembaran kerja praujian yang mengandungi latihan bagi bahagian B dan C perlu diselesaikan oleh pelajar dalam masa 70 minit. Kemudian, pelajar diminta memberi pendapat tentang ujian tersebut menerusi borang refleksi 3-2-1 dan borang KWL. Ramai pelajar mendapati sukar menjawab soalan-soalan dengan tepat. Minggu kedua merupakan sesi pendedahan kepada strategi JAMPI yang diselarikan dengan strategi rutin berfikir semasa menjawab soalan Kefahaman.

Strategi JAMPI ialah satu strategi di mana pelajar pada mulanya memahami Jalan Cerita Naratif atau Jalur Grafik Rangsangan. Kemudian Aksi Watak dan aksi pembaca diambil kira di mana sebagai pembaca, mereka perlu melakukan Hi-5 iaitu menyerlahkan (*highlight*), garisi (*underlining*), visualisasi (*visualisation*), cuba teka (*tick circle cross cum guess the clue*) dan SCAMPER. Sebagai pembaca bijak, pelajar perlu mencari Mengenal pasti tema sesuatu teks atau cerita yang diketengahkan sebelum mengupas (PEEL dan 10P) soalan yang diberikan. Selepas membaca, pelajar perlu Isi jawapan (I.B.H) mereka dengan yakin agar guru memberikan markah yang baik bagi jawapan pelajar yang tepat dan betul. Minggu 3 pula merupakan pascaujian. Pelajar digalakkan mengaplikasikan apa yang telah dipelajari berserta beberapa latihan tambahan bagi mengukuhkan keberkesanan penggunaan strategi JAMPI itu. Setiap markah pelajar dicatat dari Ujian 1 Penggal 1 (T1) bagi praujian sehingga Ujian Penggal 2 (T2) sebagai data pascaujian, termasuk dua latihan tambahan setelah pascaujian yang merupakan Ujian Penggal 3 (T3) dan Ujian Penggal 4 (T4). Setiap markah T1 sehingga T4 kemudian dibandingkan dengan markah yang diperolehi pelajar dalam peperiksaan Pertengahan Tahun Semester 1(SA1) dan peperiksaan



Akhir Tahun atau Semester 2 (SA2 atau GCE O yang diddki pada bulan Jun) demi melihat kemajuan prestasi pelajar.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Seramai 73 orang pelajar 2NA, 3NA dan 4Ekspres menduduki praujian T1 yang mengandungi 15 soalan (GCE O bagi pelajar 4E5N) atau 3 soalan (GCE N bagi pelajar 2NA dan 3NA), iaitu soalan Bahagian B dan soalan Bahagian C. Hanya 48 daripada 73 atau 65.8% pelajar lulus dalam praujian T1. Lihat Jadual 2, 3 dan 4 di bawah ini.

Jadual 2: Prestasi Pelajar Menengah 2NA

2 Normal Akademik (29 pelajar)	UJIAN	T1 PRA- UJIAN	T2 PASCA- UJIAN	T3	T4	SA1	SA2
	Lulus	11 (38%)	26 (90%)	26	27	22	23 (79%)
Gagal	18	3	4	3	7	6	

SA2: 60 markah ke atas - 14 pelajar, dan peratusan pelajar gagal berkurangan

Jadual 3: Prestasi Pelajar Menengah 3NA

3 Normal Akademik (19 pelajar)	UJIAN	T1 PRA- UJIAN	T2 PASCA- UJIAN	T3	T4	SA1	SA2
	Lulus	14 (74%)	19 (100%)	18	19	19	19 (100%)
Gagal	5	0	1	0	0	0	

SA2N: 60 markah ke atas (17 pelajar) dan peratusan pelajar gagal berkurangan



Jadual 4: Prestasi Pelajar Menengah 4E5N

4E5N (25 pelajar)	UJIAN	T1 PRA- UJIAN	T2 PASCA- UJIAN	T3	T4	PRELIM	GCE O (Jun)
	Lulus	23 (92%)	25 (100%)	Tiada		25	25 (100%)
	Gagal	2	0			0	0

GCE O' Jun: Gred A - 15 pelajar, Gred B - 8 pelajar, dan Gred C - 2 pelajar

Selepas tiga minggu pelajar didedahkan kepada strategi JAMPI dan rutin berfikir, jumlah pelajar yang lulus ujian amat meningkat dan memberangsangkan dalam pascaujian T2 di mana 70 orang pelajar telah lulus ujian T2 dan sebanyak 96% lulus dengan markah yang lebih baik berbanding semasa praujian. Para pelajar yang gagal adalah mereka yang lemah atau tidak hadir semasa pascaujian dijalankan. Para pelajar yang lulus agak konsisten bagi latihan-latihan pascaujian T3 dan T4. Pascaujian bagi kelas 4E5N pula tidak dapat dijalankan pada T3 dan T4 kerana peperiksaan prelim GCE O dijalankan pada bulan Mei. Secara rumusan, peratusan pelajar lulus dalam peperiksaan Akhir Tahun juga amat baik bagi pelajar 3N dan 4E5N di mana 100% pelajar lulus. Bagi kelas 2NA pula, 79% pelajar lulus dan enam orang pelajar yang gagal merupakan pelajar yang amat lemah namun markah terendah yang diperolehi ialah 44 markah.

Berdasarkan borang maklum balas pelajar, guru mendapati bahawa pendedahan prlajar kepada strategi JAMPI dan rutin berfikir, telah meningkatkan pencapaian pelajar dan mereka lebih peka semasa menjawab soalan-soalan ujian atau peperiksaan terutama sekali bagi komponen kefahaman. Hampir semua pelajar bersetuju bahawa PdP menggunakan strategi JAMPI dan rutin berfikir telah membantu mereka meningkatkan kemampuan memahami petikan atau bahan rangsangan grafik yang diberikan serta mampu membetulkan struktur jawapan mereka di mana setiap pernyataan perlu disokong dengan bukti dan huraian. Kesemua pelajar juga bersetuju bahawa selepas didedahkan kepada strategi JAMPI dan rutin berfikir, mereka telah menimba ilmu yang baharu. Pelajar juga memberikan respons yang positif dalam borang maklum balas.

KESIMPULAN

Penggunaan strategi JAMPI dan rutin berfikir dalam PdP Bahasa Melayu dapat membantu pelajar agar lebih peka serta lebih teliti semasa memilih jawapan yang lebih tepat semasa menjawab soalan-soalan kefahaman dalam ujian atau peperiksaan.

Strategi JAMPI dan rutin berfikir dapat mempertingkatkan kemahiran membaca pelajar untuk mengenal pasti jenis soalan kefahaman. Pelajar juga dapat menjawab soalan kefahaman dengan tepat bagi bahagian rangsangan grafik atau petikan yang diberikan. Berdasarkan dapatan kajian, pelajar dapat memantapkan jawapan mereka jika mereka menggunakan strategi JAMPI.

Guru harus berusaha mendedahkan sesuatu yang mencabar demi mencabar intelek pelajar agar pelajar lebih teruja untuk menjawab soalan aras tinggi.

RUJUKAN

Fadilah Isnin (2016). Bijak baca: membina kemahiran membaca melalui strategi yang berkesan. Dlm, *Dian Bahasa 2016* (pp 23-38). Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura.

GCE 'O' level (Express), Information Booklet, Singapore Examinations and Assessment Board.

GCE 'N' level (Normal Academic), Information Booklet, Singapore Examinations and Assessment Board.

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Menjadikan pemikiran jelas: Pelaksanaan rutin berfikir di bilik darjah*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.

http://studentsrepo.um.edu.my/1930/5/Bab_2.pdf

